

P E N D A H U L U A N

Susunan Pentadbiran: Struktur Secara Am

Pentadbiran pejabat agama daerah ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang penting, iaitu bahagian am dan bahagian zakat dan fitrah.

Bahagian am - termasuk Mahkamah Syariah, menguruskan hal-hal:

- i. Kehakiman - mentadbirkan kerja-kerja yang bersangkutan paut dengan kehakiman seperti nikah cerai, rojok, perbicaraan dan lain-lain.
- ii. Membuat pengesahan dan pengeluaran sijil-sijil faraid dalam daerah.
- iii. Wakaf dan masjid - menjalankan urusan mengenai masaalah pentadbiran masjid dan tanah-tanah wakaf.
- iv. Penerimaan hasil-hasil negeri yang bersangkutan dengan undang-undang pentadbiran agama Islam Perak bagi pihak Ibu Pejabat mengikut arahan dan peraturan.
- v. Penyelesai - perselisihan masyarakat Islam yang ada kaitan dengan keugamaan dan kemasyarakatan khususnya rumahtangga.

- vi. Penyelenggara saraan nafkah bagi janda, anak dan orang tanggungan yang dibuat melalui mahkamah.
- vii. Pengawas, pemimpin, penghubung naib-naib kadi dalam daerah.
- viii. Penyelenggara pendaftaran orang-orang masuk Islam.¹

Bahagian Zakat dan Fitrah

- A. Mengendalikan kutipan dan bayaran zakat dan fitrah dan baitul mal umat Islam dalam daerah.
- B. Menyerahkan bantuan kepada pegawai masjid, Jawatankuasa Masjid dan fakir miskin.
- C. Mengawas dan mengawal tanah baitul mal serta menguruskan jualan tanah baitul mal yang tidak mendatangkan hasil.
- D. Mempergiatkan gerakan bagi menjayakan kutipan zakat dan fitrah dengan penerangan dan nasihat dan tindakan mahkamah sehingga berjaya mendapat hasil kutipan dari tahun ke setahun.²

1. Zulkefli bin Sharani, 'Taklimat Kemajuan Pejabat Ugama Teluk Anson', tahun 1976 (Laporan ke Pejabat Ugama Negeri Ipoh), 1976.
2. Mohamad Khatib Mohamad Arif, 'Taklimat Kemajuan Pejabat Ugama Teluk Anson Tahun 1976' (Laporan ke Pejabat Ugama Ipoh), 1976.

Mahkamah Syariah

Dalam tiap-tiap negeri di Malaysia terdapat mahkamah syariah, dengan bidangnya ke atas hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang Islam seperti yang didefinisikan dan diperuntukkan dalam enakmen negeri-negeri yang berkaitan dengan undang-undang Islam.

Mahkamah Syariah tidaklah diwujudkan dengan sebab peruntukkan dalam perlembagaan persekutuan seperti Mahkamah Federal dan Mahkamah Tinggi, juga tidaklah diwujudkan oleh undang-undang persekutuan seperti Mahkamah Rendah. Perlembagaan, penyusunan dan acara Mahkamah Syariah termasuk dalam bidang perundangan negeri-negeri dan dibawah kuasa yang terletak kepada raja-raja.³

Kakitangan Mahkamah Syariah Teluk Anson

Kadi yang bertugas sekarang ialah Ustaz Nuruddin bin Haji Siddek yang mula bertugas sejak tahun 1972.

Kerani Mahkamah - Encik Zukefli bin Haji Sharani.

Kerani Bahagian Zakat - Encik Mohamad Khatib bin Mohamad Arif.

Pelayan Pejabat - Encik Wazir bin Kesud.


3. Abdul Majeed Mohamad MacKeen, Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya, monograph series no. 13 Yale University Southeast Asia Studies, 1969, m.s. 45.

Seperti yang diperuntukkan bagi negeri Perak, bidangkuasa Mahkamah Syariah (Mahkamah Kadi) daerah terbahagi kepada dua bahagian yang penting iaitu bidang jenayah dan Mal. Dalam bidang jenayah, denda yang boleh dikenakan ialah tidak lebih dari seratus ringgit atau sebulan penjara. Dalam bidang mal bidangkuasa yang diberi samalah dengan bidangkuasa Mahkamah Kadi Besar. Tetapi nilai tuntutan tidak boleh melebihi seribu ringgit.⁴

4. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Perak), 1965, seksyen 45.

RAJAH I

STRUKTUR PENTADBIRAN PEJABAT



Sumber: Maklumat Penting Pejabat Ugama Teluk Anson

RAJAH 2

PENTADBIRAN ZAKAT DAN FITRAH JABATAN

UGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU

PERAK

Sultan Perak

melantik

Yang Di Pertua Majlis Ugama Islam Dan
Adat Melayu Perak

melantik

Pengarah Majlis Ugama Islam Dan Adat Melayu
Perak

Hubungan kepada

Kadi Daerah

Kakitangan Pejabat
Bahagian Zakat Fitrah

Pengawas Baitul Mal Dan
Zakat Fitrah Perak Utara

Pengawas Baitul Mal Dan
Zakat Fitrah Perak
Selatan

Nazir Pengurus
Sekolah Ugama Rakyat

Jawatankuasa Zakat Dan
Fitrah Kariah

Amil yang dilantik oleh kerajaan
melalui pilihan orangramai